

**PEMAKLUMAN : PENUTUPAN LALUAN MASUK ALTERNATIF KE HOSPITAL SEGAMAT MELALUI JALAN NAGASARI, SEGAMAT BARU BAGI KERJA-KERJA PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN HOSPITAL SEGAMAT**

Adalah dimaklumkan bahawa kerja-kerja awalan bagi projek pembinaan bangunan tambahan Hospital Segamat sedang dijalankan dan pada ketika ini pihak kontraktor sedang dalam tindakan untuk memasang pagar dinding pelindung (*hoarding*) dan pejabat (*site office*) yang dijangka mengambil masa antara dua (2) hingga empat (4) minggu untuk disiapkan.

Sehubungan itu, bagi memastikan keselamatan orang ramai sepanjang pelaksanaan projek ini, pihak Hospital Segamat ingin menarik perhatian tuan/puan berhubung beberapa perkara seperti berikut:

- (a) Laluan masuk alternatif ke Hospital Segamat melalui Jalan Nagasari, Segamat Baru akan **ditutup mulai 25 Mei 2018 (Jumaat)** sehingga projek ini siap sepenuhnya yang dijangka mengambil masa sehingga tiga (3) tahun.
- (b) Selaras dengan penutupan laluan ini juga, orang ramai yang menaiki kenderaan awam untuk ke hospital dinasihatkan agar tidak turun di tempat perhentian bas Jalan Nagasari dan hendaklah menggunakan pintu masuk utama hospital.
- (c) Pihak hospital juga ingin memaklumkan bahawa tempat meletak kenderaan bagi kakitangan hospital akan disediakan di Asrama Jururawat manakala tempat meletak kenderaan berturap sedia ada akan dikhaskan kepada pesakit/pelanggan hospital sahaja.

Pihak hospital ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang berlaku demi menambahbaik perkhidmatan kesihatan di daerah Segamat.

Sekian, terima kasih.